

28/09/1998

Pemuda bidas campur tangan asing

Saodi Mat Atar

JOHOR BAHRU, Ahad - Pergerakan Pemuda Umno menuntut pihak asing tidak campur tangan dalam pentadbiran negara berikutan tindakan mereka mempertikaikan kepemimpinan negara serta mengkritik penahanan Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Sebaliknya, pergerakan itu menegaskan rakyat negara ini sendiri menyatakan sokongan terhadap penahanan Anwar kerana didapati membahayakan keselamatan negara.

Naib Ketua Pemuda Umno, Datuk Hishammuddin Hussien, ketika menegaskan demikian membidas pemimpin dan media asing yang cuba campur tangan dalam kes itu termasuk Australia, Amerika Syarikat, Britain, Singapura dan Indonesia.

Beliau mempersoalkan sikap Perdana Menteri Australia (John Howard), pendirian Amerika Syarikat, Menteri Luar Britain (Robin Cook) dan media di Indonesia serta Singapura yang mempertikaikan kepemimpinan negara dalam mengurus hal ehwal dalaman Malaysia.

"Tanggapan mereka bercanggah dengan keyakinan tinggi majoriti rakyat Malaysia terhadap kepemimpinan Perdana Menteri.

"Rakyat berdiri teguh dan menyokong penuh ketegasan Perdana Menteri dalam mempertahankan maruah dan martabat agama, bangsa serta negara.

"Menghayati semangat tegas itu, Pemuda Umno bersama kepemimpinan dan rakyat Malaysia menuntut tidak ada campur tangan pihak asing dalam pentadbiran negara.

"Pemuda Umno ingin menarik perhatian bahawa bancian Time.Com Asia menunjukkan lebih daripada separuh iaitu 61.23 peratus daripada 5,899 orang ditanya, menyatakan Anwar patut ditangkap kerana mengancam keselamatan negara," katanya di sini, malam ini.

Terdahulu, beliau menghadiri perjumpaan dengan barisan Exco Pemuda Umno negeri dan semua naib ketua Pemuda Umno bahagian di Johor.

Perjumpaan itu adalah program pertama Pemuda Umno Pusat menjelajah semua negeri bagi memberi penjelasan berhubung tindakan ke atas Anwar.

Hishammuddin yang juga Pengerusi Majlis Hal Ehwal Antarabangsa Pemuda Umno, menegaskan pergerakan itu merujuk kepada ketegasan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang menyatakan 'Malaysia tidak akan sekali-kali merangkak, melutut dan tunduk mencium kaki orang asing bagi menyelamatkan ekonomi negara.'

Dalam menyebut satu demi satu pihak asing yang mencampuri isu membabitkan Anwar, beliau menegaskan Pemuda Umno mencabar Howard membuat pendirian dalam isu skandal seks Presiden Amerika, Bill Clinton, jika Perdana Menteri Australia itu benar-benar membicarakan soal moral.

Katanya, Amerika yang menyentuh soal hak asasi serta kononnya pelopor demokrasi, sebenarnya bersikap pura-pura apabila cuba menggagalkan pembentukan Mahkamah Kriminal Antarabangsa di Rom, tahun lalu.

Menurutnya, sikap Robin Cook hanya membangkitkan isu Anwar selepas meninggalkan negara ini adalah perbuatan double standard serta lemah dan tidak berani menyatakan sesuatu dengan penuh tanggungjawab.

"Kita juga kesal dengan media Indonesia yang menyiarkan kenyataan menyeru belia negara ini merusuh kerana ia adalah hasutan jahat, selain bukan cara serta budaya masyarakat Malaysia.

"Selain itu, bukan sesuatu yang baru apabila media Singapura bersungguh-sungguh mengetengahkan isu negatif terhadap negara ini.

"Sikap angkuh mereka sudah lama kita fahami," katanya.

Bagaimanapun, Hishammuddin berkata, Pemuda Umno tidak mengemukakan apa-apa bantahan rasmi kepada pihak asing terbabit, sebaliknya membuktikan keteguhan sokongan kepada kepemimpinan negara menerusi Perhimpunan Perdana Pemuda Barisan Nasional (BN) di Stadium Nasional pada 10 Oktober depan.

Menurutnya, perhimpunan besar-besaran itu dijangka dihadiri 100,000 ahli barisan pemuda parti komponen BN, sekali gus mempamerkan tekad dan semangat Pemuda BN menentang usaha menjatuhkan kerajaan yang dipilih secara demokratik.

(END)